

01/12/1997

Bilangan sungai tercemar meningkat setiap tahun

LAPORAN suku tahun Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi 1997 mendapati kadar pencemaran sungai bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini meningkat 17 peratus manakala sungai bersih menurun 16 peratus, berbanding tahun lalu.

Laporan itu menyebut 45 sungai diawasi sehingga Mac lalu, dengan 13 dikenal pasti tercemar teruk, 25 tercemar pada paras sederhana dan tujuh bersih.

Daripada 13 sungai yang dikenal pasti tercemar, lima di Johor, dua di Terengganu dan sebatang sungai di Selangor.

Dengan perangkaan menunjukkan kadar pencemaran semakin meningkat setiap tahun, rakyat pasti tertanya-tanya bila agaknya mereka boleh melihat sebatang sungai mengalir di kawasan bandar, yang benar-benar bersih.

Jawapannya mungkin tidak jika konsep dan peraturan sedia ada terus dikuatkuasakan.

Satu aspek menarik tetapi mungkin tidak disedari banyak pihak ialah ada sektor yang `dibenarkan' mengeluarkan efluen ke dalam sistem saliran, dengan syarat ia tidak melebihi paras ditetapkan oleh JAS.

Bagaimanapun, pembuangan bahan efluen yang lebih `bersih' oleh kilang perindustrian tidak bermakna sungai lebih bersih, kerana jumlah terkumpul daripada buangan terbabit tetap menyebabkan sungai lebih tercemar.

Perangkaan JAS sendiri membuktikannya. Hampir 80 peratus pemeriksaan penguatkuasaan yang dilaksanakan terhadap kilang mendapati mereka mematuhi syarat pelesenan jabatan berkenaan.

Bagaimanapun, kadar pencemaran terus meningkat pada kadar 1.6 peratus setiap tahun.

Pemeriksaan jabatan turut mendapati sungai semakin dicemari bahan kimia berat seperti kadmium dan besi.

Sebanyak 57 sungai dikenal pasti mengandungi kadmium berlebihan manakala kadar plumbum berlebihan dikesan dalam 36 sungai.

Semua logam berkenaan sebenarnya berpunca daripada `pembebasan' efluen `bersih' secara halal oleh kilang terbabit.

Adakah ini satu kelemahan pada sistem perundangan negara sendiri? JAS sendiri mengakui ia tidak boleh berbuat apa-apa kerana konsep lesen kotravensi itu sebenarnya wujud ketika negara mula meneroka era industrilisasi, dan proses itu masih berjalan sehingga kini.

"Komitmen politik diperlukan bagi memastikan berlakunya satu paradigma dalam konsep pemuliharaan alam sekitar di sungai-sungai negara," kata seorang pegawai kanan JAS.

Kebimbangan itu turut dirasai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang baru-baru ini meminta semua kerajaan negeri menubuhkan Lembaga Pengurusan Sungai masing-masing.

Seorang pegawai Jabatan Parit dan Saliran (JPS) yang enggan namanya dikenali menganggap keadaan sungai di negara ini, khususnya di Lembah Klang amat `memalukan'.

Beliau berpendapat, pihak berkuasa tempatan wajar dipersalahkan kerana keadaan sungai yang teruk tercemar ketika ini.

(END)